



NOTIS MAKLUMAN

PENGOPERASIAN PEJABAT DAN KAUNTER JUALAN JUPEM DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Merujuk kepada sidang media oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kanan (Pertahanan) dan selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) pada 12 Oktober 2020 (Isnin) telah menetapkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Wilayah Persekutuan Putrajaya berkuat kuasa pada 14 hingga 27 Oktober 2020.

Sehubungan itu, pejabat dan kaunter jualan JUPEM di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Negeri Selangor akan beroperasi seperti biasa sepanjang tempoh PKPB dan melaksanakan sistem bekerja secara penggiliran seperti yang telah disarankan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui surat edaran No. Rujukan: JPA.SARAAN(S)256/6/31 JLD.6 (6) bertarikh 2 Mei 2020.

Oleh itu, kaunter jualan JUPEM akan beroperasi seperti biasa dan para pelanggan adalah digalakkan untuk menggunakan medium dalam talian yang telah disediakan oleh JUPEM iaitu:

- a) Aduan/Pertanyaan di pautan <https://www.jupem.gov.my/maklum-balas> atau melalui e-mel ke hqweb@jupem.gov.my;
- b) Aplikasi eBiz JUPEM di pautan <https://ebiz.jupem.gov.my/>;
- c) Aplikasi eKadaster di pautan <https://www.jupem.gov.my/ekadaster> atau melalui e-mel ke ekadaster@jupem.gov.my; dan
- d) Aplikasi MyRTKnet di pautan <http://www.rtknet3.gov.my/> atau melalui e-mel ke admin.myrtknet@jupem.gov.my.

Maklumat terkini mengenai JUPEM boleh melayari Portal Rasmi JUPEM di pautan <https://www.jupem.gov.my/> atau hubungi kami di talian 03-2617 0800.

Sekian, terima kasih.

JABATAN UKUR DAN PEMETAAN MALAYSIA

